

Model Baharu Pembangunan Belia 2030 dilancar Mac

BH - 31/10/2021 m/s: 2

Usaha perkasa anak muda secara berterusan, lahirkan Masyarakat 5.0

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Model Baharu Pembangunan Belia 2030 (MBPB 2030) bakal dilancarkan pada Mac tahun depan.

Perdana Menteri berkata, MBPB 2030 bertujuan mempergiat usaha membangunkan belia secara berterusan, sekali gus melahirkan Masyarakat 5.0. Model berkenaan dibangunkan berdasarkan aspirasi dan suara anak muda untuk pemerkasaan belia bagi tempoh 10 tahun ke hadapan.

“Apabila dilaksanakan kelak, MBPB2030 bakal memberi manfaat kepada golongan belia, termasuk dalam meningkatkan sosioekonomi melalui peluang dan penciptaan pekerjaan, pendidikan dan kemahiran masa depan.



Ismail Sabri, Ahmad Faizal (empat dari kiri) dan Jufitri (empat dari kanan) bersama penerima Anugerah Perdana Belia Negara 2021 pada Majlis Sambutan Hari Belia Negara di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

“Selain itu, ia akan memperkukuhkan lagi sistem sokongan belia khususnya hubungan dengan keluarga, masyarakat dan agensi kerajaan dalam usaha melahirkan warganegara belia yang lebih yakin dan aktif selain berdaya tahan menghadapi cabaran,” katanya berucap pada Majlis Sambutan Hari Belia Negara 2021 Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Ri-

na Mohd Harun dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Jufitri Joha.

Ismail Sabri berkata Masyarakat 5.0, iaitu sebuah masyarakat yang dapat menguasai kehidupan di alam maya dan alam fizikal, yang dihasratkan negara bukanlah semata-mata generasi pintar mengendali dunia digital tetapi bijak juga beradaptasi, dengan teknologi perlu berperanan sebagai nilai tambah kepada entiti murni bidang agama, budaya, adat resam dan adab santun Keluarga Malaysia.

“Saya berkeyakinan tinggi terhadap keupayaan warga belia menyahtu cabaran ini, lantaran

data menunjukkan sebilangan besar telah pun berada di tahap Belia 4.0. Pada tahap ini, belia sudah berfikiran analitikal, berpendekatan inovatif, berkemahiran teknologi dan menekankan budaya kreatif,” katanya.

Pada masa sama, kerajaan bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan terus mempergiat usaha agar Masyarakat 5.0 segera tercapai menerusi pelbagai inisiatif yang digariskan termasuk melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL); Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dan Pelan Jalanan Digital Negara (JENDELA).